



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj.Kami : ANM (T)MEL/03/68 Jld.3(19)
Tarikh : 17 Disember 2019
Bersamaan : 20 Rabiulakhir 1441H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Ketua Pusat Pembayar

Tuan,

KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020 tertakluk kepada syarat – syarat yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2019.

3. Sehubungan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pembayar Gaji hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) Memuatturun Laporan Penerima Kenaikan Kadar bantuan Sara Hidup dari komputer yang disediakan di Makmal Latihan di jabatan ini **mulai 17 Disember 2019 (Selasa)**. PTJ/Pusat Pembayar Gaji perlu membawa **pen drive** sendiri bagi tujuan ini;
- b) Menyemak dan mengesahkan kelayakan setiap kakitangan yang tersenarai di dalam;
 - i) **Laporan Penerima Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup (Kod :1362)** ;
 - ii) **Laporan Bayaran Balik Bantuan Sara Hidup Kuarters (Kod :4548) (jika berkaitan);**
dan
- c) Menyerahkan Laporan Penerima Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup yang telah disahkan **selewat-lewatnya pada 18 Disember 2019 (Rabu) sebelum jam 3.00 petang.**

5. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi pegawai kami Puan Raudzah binti Bahrin / Puan Norfaizan Binti Mohd Noor / Puan Chua Ban Neo di talian 06-289 5066 / 5064 / 5068.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Melaka

sk Fail Timbul